

# Pemuda UMNO alu-alukan pemansuhan cukai jalan motosikal kuasa rendah

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Pergerakan Pemuda UMNO mengalu-alukan keputusan kerajaan memansuhkan cukai jalan bagi motosikal berkuasa rendah seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Exco pergerakan itu, **Mohamad Norza Zakaria** berkata, Pemuda UMNO berterima kasih kepada kerajaan kerana menaikkan permintaan mereka sebelum ini demi kepentingan rakyat berpendapatan rendah.

“Kita sangat-sangat berterima kasih kepada kerajaan yang membuktikan keprihatinannya terhadap keperluan masyarakat terbanyak yang memiliki motosikal berkuasa rendah,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pengumuman Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berhubung pemansuhan cukai motosikal berkuasa 150 cc ke bawah ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Mohamad Norza sebelum ini pernah mencadangkan agar kerajaan memansuhkan cukai jalan

untuk motosikal berkuasa rendah dalam Bajet 2004 bagi meringankan beban rakyat.

Pada masa ini cukai jalan motosikal dikenakan mengikut kuasa enjin iaitu RM50 untuk motosikal kurang daripada 75cc, RM55 (75-100cc) dan RM65 (101-150cc) di Semenanjung Malaysia.

Cukai jalan bagi motosikal berkuasa antara 75 hingga 150cc di Sarawak ialah RM12 setahun manakala di Sabah pula, cukai jalan bagi semua jenis motosikal adalah RM50.

Menurut Mohamad Norza, pemansuhan cukai jalan itu merupakan insentif kepada golongan berkenaan yang sebahagian besarnya terdiri daripada pekerja kategori buruh, petani dan nelayan selain pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi.

“Kebanyakan golongan ini pula menjadikan motosikal berkuasa rendah sebagai pengangkutan utama mereka untuk mencari rezeki,” katanya.

Penghapusan cukai jalan membantu golongan berkenaan mendapat lebih pendapatan yang

mana dapat disalurkan ke sektor-sektor lain termasuk peruncitan, pelancongan dan perumahan, katanya.

Jelasnya, keputusan memansuhkan cukai jalan itu merupakan satu pengorbanan besar sehingga menjejaskan pendapatan yang menjadi sumber tetap kerajaan selama ini.

## Produktiviti

“Jadi Pemuda UMNO berharap rakyat sama-sama menghayati pengorbanan kerajaan ini dengan sama-sama mempertingkatkan produktiviti.

“Selain itu, kita menaruh harapan agar pelajar-pelajar yang menggunakan motosikal pula tidak mengabaikan pelajaran mereka dan menggunakan lebih wang itu dengan sewenang-wenang pula,” ujarnya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia, **Datuk Dr. Maamor Osman** turut gembira dengan keputusan kerajaan memansuhkan cukai jalan untuk motosikal berkuasa rendah itu.

Beliau bagaimanapun meminta

kerajaan menjelaskan sama ada dengan pemansuhan itu bermakna insurans kenderaan bagi pemilik motosikal berkenaan turut dikecualikan.

“Inilah persoalannya, kalau memang tiada insurans, kita khuatir akan timbul banyak masalah lain kemudiannya pula,” katanya.

Ketika ini, katanya, anggota polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan yang mengadakan sekatan jalan raya hanya memeriksa cukai jalan kenderaan terbabit yang sekali gus membuktikan kenderaan berkenaan turut mempunyai insurans.

Beliau seterusnya mencadangkan agar pemilik motosikal berkenaan diwajibkan memiliki pelekat cukai jalan yang diberi secara percuma.

Timbalan Presiden, Persatuan Pemuda Negara Malaysia, **Ezarruddin Abd. Rahman** turut menyambut baik keputusan itu yang memberi kelegaan kepada mahasiswa, belia dan golongan berpendapatan rendah.